

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**  
**SOALAN 13 (A153)**

Bagaimanakah prestasi syarikat-syarikat konsesi yang telah dilantik oleh kerajaan iaitu Teto Engineering Sdn. Bhd., Amona Infracare Sdn. Bhd., Safwa Global Sdn. Bhd. dan Infra Desa Johor (IDJ) dan apakah perancangan kerajaan dimasa hadapan berdasarkan kepada prestasi tersebut?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

Yang Berhormat Tuan Speaker, peruntukan penyelenggaraan jalan negeri (MARRIS) disediakan oleh Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(B) Perlembagaan Persekutuan. Jumlah peruntukan setiap negeri dikira mengikut peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan iaitu mengambil kira kos purata penyelenggaraan jalan dan panjang jalan negeri.

Peruntukan MARRIS ini khusus kepada kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri, jalan bandaran, jalan kampung serta jalan pertanian.

Bagi melayakkan Kerajaan Negeri menerima peruntukan tersebut, jalan-jalan di negeri ini perlu didaftarkan di dalam sistem MARRIS online. Kementerian Kewangan akan menyalurkan pemberian MARRIS kepada Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957.

Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri telah melantik beberapa syarikat konsesi yang layak dan berpengalaman bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi jalan-jalan di Negeri Johor. Syarikat konsesi yang terlibat adalah Teto Engineering Sdn. Bhd., Amona Infra Care Sdn. Bhd., Infra Desa Johor Sdn Bhd. dan Safwa Global Venture (M) Sdn. Bhd.

**KONSESI PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI – TETO & AMONA**

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita lihat dahulu konsesi penyelenggaraan jalan negeri. Konsesi penyelenggaraan jalan-jalan negeri dilaksanakan oleh Syarikat Amona Infra Care Sdn dan Syarikat Teto Engineering Sdn. Bhd. Pengarah Kerja Raya Negeri Johor adalah Pegawai Penguasa bagi projek ini.

Berdasarkan laporan prestasi syarikat bermula 2016 sehingga tahun 2020, prestasi bagi syarikat-syarikat konsesi ini secara keseluruhannya adalah baik. Pencapaian syarikat Teto Engineering Sdn. Bhd dan Amona Infracare Sdn. Bhd. masing-masing adalah 75% dan 80%.

Antara kriteria - kriteria yang dinilai adalah prestasi pelaksanaan kerja-kerja di tapak, kecekapan pihak konsesi dalam menangani isu kecemasan seperti banjir dan juga penilaian dari segi prestasi pengurusan kewangan dan perbelanjaan.

Bagi penawaran kerja – kerja pakej Gred G1 – G4, pada tahun 2020, Amona Infracare Sdn. Bhd. telah menawarkan sebanyak 162 pakej kerja manakala syarikat Teto Engineering Sdn. Bhd 136 pakej kerja.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**KONSESI PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG– IDJ SDN BHD**

Yang Berhormat Tuan Speaker, selanjutnya saya teruskan dengan konsesi penyelenggaraan jalan-jalan kampung oleh Infra Desa (Johor) Sdn. Bhd. Pejabat Menteri Besar Johor adalah Pegawai Penguasa bagi projek ini.

Pihak Infra Desa (Johor) telah melaksanakan tanggungjawab sebagai syarikat konsesi dengan baik. Sepanjang tempoh 2015 – 2019, prestasi perbelanjaan adalah 94.08%.

Bagi prestasi fizikal, pihak perunding telah mengenalpasti sebanyak 1733 Laporan Ketidapatuhan seperti isu berkaitan ketebalan 'crusher run', 'ACWC14' dan lain - lain. Pihak Infra Desa (Johor) dengan efektif telah memperbaiki NCR tersebut dan semua laporan NCR yang berkaitan dengan kualiti kerja telah ditutup.

Bagi penawaran kerja – kerja pakej Gred G1 – G3, pada tahun 2020 Infra Desa (Johor) telah menawarkan sebanyak 323 pakej kerja.

**KONSESI PENYELENGGARAAN JALAN PBT – SAFWA GV SB**

Yang Berhormat Tuan Speaker, seterusnya, Kerajaan Negeri telah mengamanahkan Syarikat Safwa Global Venture (M) Sdn. Bhd. bagi melaksanakan konsesi penyelenggaraan jalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan Tempatan adalah Pegawai Penguasa bagi projek ini.

Untuk makluman dewan, sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak 1,290 projek telah dirancang. Daripada jumlah itu, sebanyak 922 projek telah berjaya disiapkan, manakala bakinya masih dalam pelaksanaan.

Bagi penawaran kerja – kerja pakej Gred G1 – G3, bermula Oktober sehingga Disember 2020, Syarikat Safwa Global Venture (M) Sdn. Bhd. telah menawarkan sebanyak 156 pakej kerja. Sebanyak 82% daripada jumlah kerja yang telah dikeluarkan adalah melalui kaedah undian, manakala sebanyak 18% adalah melalui kaedah tender dan sebutharga.

Bagi prestasi perbelanjaan, dianggarkan sejumlah 96% tuntutan pembayaran akan disempurnakan pada Disember 2021.

Konsesi penyelenggaraan jalan PBT adalah masih baharu dan prestasi syarikat ini akan sentiasa dipantau oleh Kerajaan negeri, Pihak kerajaan telah menetapkan beberapa Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang meliputi beberapa kriteria iaitu pengurusan kewangan, pentadbiran kontrak, kualiti kerja, pengurusan aduan, pemantauan dan lain-lain nilai tambah yang perlu dicapai oleh setiap syarikat konsesi pada setiap tahun. Prestasi syarikat konsesi melalui pencapaian KPI tersebut akan dinilai oleh Kerajaan Negeri sebelum keputusan bagi penyambungan kontrak dibuat.

Oleh yang demikian, secara keseluruhannya prestasi semua syarikat konsesi adalah di dalam keadaan yang baik. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan sentiasa memastikan setiap syarikat konsesi melaksanakan kerja – kerja penyelenggaraan jalan dengan lebih baik dan berkualiti dari semasa ke semasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)**

**SOALAN 14 (A45)**

Siapakah yang bertanggungjawab untuk memantau operasi Sekolah Tahfiz swasta yang terdapat didalam negeri Johor dan apakah yang telah dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan operasi, sukatan pelajaran dan pengurusannya mampu menghasilkan pelajar yang cemerlang ?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Secara asasnya sekolah-sekolah Tahfiz swasta di negeri Johor di kelolakan oleh Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) dengan kerjasama pihak pentadbir dan jawatankuasa yang dilantik. Pihak LPS bertanggungjawab memantau dan memastikan pengurusan dan operasi Sekolah Tahfiz Swasta berjalan dengan baik dan mengikut tatacara dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Pendaftar Sekolah-sekolah Agama negeri Johor.

Walau bagaimanapun, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) bertanggung jawab memastikan sekolah-sekolah Tahfiz swasta yang ditubuhkan agar berdaftar dengan JAINJ dengan memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Mengikut Enakmen Pengawalan sekolah-sekolah Agama Islam 1991, Bahagian V, seksyen 17- Pelantikan Nazir sekolah. Pihak Nazir Sekolah Agama atau pegawai-pegawai yang diberi kuasa oleh JAINJ adalah bertanggungjawab memantau dan menjalankan pemeriksaan ke atas sekolah-sekolah Tahfiz yang telah berdaftar terutama dari aspek pengajaran dan kurikulum, buku dan kitab-kitab, guru-guru yang diambil bekerja, akaun sekolah dan menyiasat apa-apa perkara luar aturan yang berlaku. Ini bagi memastikan semua Sekolah Tahfiz sentiasa mematuhi garis panduan dan arahan-arahan kerajaan dari masa kesemasa terutama aspek bangunan, keselamatan, kurikulum dan guru-guru yang bertugas di sekolah. Di samping itu, JAINJ sentiasa memastikan sukatan pelajaran di sekolah Tahfiz selari dengan Dasar Tahfiz Negara yang telah menetapkan bentuk pengajian di sekolah-sekolah Tahfiz samada Tahfiz Dini, Tahfiz Thurath dan Tahfiz Tvet agar dapat melahirkan pelajar yang cemerlang dan berfokus mengikut aspek dan kategori tahfiz yang dilaksanakan di sekolah.

JAINJ juga berusaha membantu menambah baik pengurusan dan pengoperasian Madrasah Tahfiz Swasta dengan mewujudkan satu sistem standard penarafan madrasah-madrasah yang dikenali sebagai Johor Tahfiz Quality Assurance (JTQA) oleh Bahagian Pendidikan Islam JAINJ. Pada tahun 2020 sebanyak 12 daripada 122 Madrasah yang berdaftar dengan JAINJ telah di pantau dan dinilai mengikut standard JTQA ini dan akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang bagi memastikan semua madrasah Tahfiz di Johor beroperasi dengan standard yang ditetapkan oleh JAINJ

Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ), Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut memainkan peranan masing-masing memantau dan membantu melancarkan operasi sekolah-sekolah Tahfiz ini dari aspek penubuhan dan pendaftaran, bantuan pembangunan dan pengurusan Tahfiz agar pengoperasiannya dapat berjalan lancar, pembelajaran dan sistem hafazan dan kemahiran guru dapat dipertingkatkan seterusnya dapat melahirkan pelajar cemerlang ilmu dan akhlaknya.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

JAINJ juga memastikan keselamatan fizikal bangunan sekolah-sekolah baharu dan murid diutamakan. Pihak MAINJ dan JAKIM juga menyalurkan berbagai-bagai bantuan termasuk bantuan pengurusan daripada MAINJ sebanyak RM 1,000.000.00 juta setiap tahun, bantuan baik pulih sekolah-sekolah tahfiz dari pihak JAKIM sebanyak RM4,862,400.00 juta (2020), bantuan khas impak pandemik Covid19 sebanyak RM 1,673,720.00 juta (2020).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**  
**SOALAN 15 (A117)**

Apakah rancangan jangka masa panjang dan pendek dalam menangani pencemaran sungai oleh para penduduk penempatan sekitar sungai?

**JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN**

Secara umumnya bagi mengawal pencemaran sungai yang melibatkan penduduk penempatan sekitar sungai, JAS bertindak sebagai agensi teknikal yang memberi sokongan kepada agensi-agensi berkaitan iaitu melibatkan ulasan pembangunan dan pendidikan serta sebaran maklumat.

Program jangka pendek, JAS sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi dan badan-badan bukan kerajaan dalam menyebarkan maklumat di dalam program-program yang melibatkan orang awam berkenaan kepentingan menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar terutama yang melibatkan penjagaan kebersihan sungai.

Program jangka panjang pula JAS sentiasa memberikan input dan ulasan pembangunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Pentadbir Tanah Daerah dan sebagainya, terutama yang melibatkan pembangunan penempatan agar aspek alam sekitar dan sungai diambil pertimbangan dalam proses kelulusannya.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)**  
**SOALAN 16 (A165)**

Apakah butir-butir untuk program-program atau aktiviti-aktiviti untuk tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan sungai-sungai dalam Daerah Johor Bahru yang dijalankan untuk masa terkini?

**JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN**

Kerajaan Negeri melalui JPS Negeri Johor telah memperuntukan bajet 2021 bagi melaksanakan aktiviti dan program pemuliharaan sungai dalam Daerah Johor Bahru sebagaimana berikut:

**1. Program Pemuliharaan Sungai Skudai dan Sungai Tebrau**

- a. Melibatkan pengindahan dan kerja-kerja penandaan rezab sungai Skudai dan Tebrau bagi mengelakkan pencerobohan.
- b. Kawasan terlibat ialah PPR Melana Indah hingga Taman Sutera Utama Mukim Tebrau Johor Bahru, Taman Impian Emas Fasa 2 Mukim Tebrau Johor Bahru, Pusat Perdagangan Danga Utama Johor Bahru, Kg.Paya Kenangan Dan Kg.Pasir Tebrau Mukim Tebrau Johor Bahru dan Taman Tampoi Utama Mukim Pulai Johor Bahru (Fasa 1).
- c. Melibatkan kerja-kerja menyenggara dan menaiktaraf sistem kutipan sampah (*log boom* dan *trash rack*) dan
- d. Kerja pembuangan sekatan dalam anak sungai
- e. Pembelian 2 buah Bot pemungut sampah yang dijangka dapat dibekalkan pada April 2022.
- f. Kajian IRBM Sungai Skudai dan Sg Tebrau serta Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Tebrau & Plentong telah siap dilaksana. Hasil kajian ini boleh digunakan oleh semua agensi yang terlibat di dalam pemuliharaan dan pemeliharaan sungai untuk melaksanakannya secara bersepadu.

**2. Program Satu Daerah Satu Sungai**

- a. Pembinaan denai dan kerja-kerja pengindahan tebing sungai bagi menjadikan persekitaran sungai lebih ceria, menarik, selesa untuk dikunjungi orang orang awam yang sekaligus menjadikan orang rasa sayang dan menghargai sungai sebagai tempat bersantai dan disayangi.
- b. Ini melibatkan Kerja-Kerja Membina Dan Menaiktaraf Landskap Sungai Tebrau Di Kawasan Kangkar Tebrau, Mukim Tebrau, Johor Bahru

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**3. Program Pemulihan Sungai Kim Kim**

- a. Program ini melibatkan kerjasama Program Kementerian Pengajian Tinggi di bawah Program University for Society (U4S) terdiri dari gabungan 4 buah universiti iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- b. Program terlibat termasuk pemuliharaan persekitaran Sungai Kim Kim (dan cabangnya Sungai Selangkah), program kesedaran, pengendalian emosi, bantuan awal psikologi, *river challenge*, *river ranger* dan webinar.
- c. Pembinaan landskap dan denai sungai telah dilaksanakan tahun ini (2021) sepanjang 4000 meter di Sungai Selangkah
- d. Program kesedaran dan bantuan psikologi telah dijalankan secara webinar melibatkan pelajar sekolah, guru, belia, orang awam dan pengusaha kilang. Sebanyak 10 webinar telah dijalankan oleh pihak universiti melibatkan lebih 400 penyertaan (*viewer*).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)**

**SOALAN 17 (A97)**

Nyatakan berapakah jumlah kilang dan syarikat yang terpaksa ditutup serta berapakah jumlah rakyat negeri Johor yang hilang pekerjaan akibat pandemik Covid-19.

**JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD**

Bagi makluman YB Yong Peng dan Ahli-ahi Yang Berhormat, berdasarkan rekod dan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor bagi tempoh Pandemik COVID19 iaitu bagi tahun 2020 dan 2021. Jumlah keseluruhan bilangan majikan yang direkodkan tutup dan henti operasi adalah sebanyak 1003 majikan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 739 majikan direkodkan telah tutup dan henti operasi pada tahun 2020, manakala sejumlah 264 majikan direkodkan pada tahun 2021.

Bagi menjawab persoalan berapakah jumlah rakyat negeri Johor yang terkesan dan hilang pekerjaan bagi tempoh masa tersebut, seramai 12,231 orang pekerja tempatan telah terkesan atau diberhentikan. Berdasarkan laporan pemberhentian pekerja oleh Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor, seramai 9512 orang pekerja tempatan telah hilang pekerjaan pada tahun 2020 dan pada tahun 2021 sehingga kini sejumlah 2719 orang pekerja tempatan telah hilang pekerjaan.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)**  
**SOALAN 18 (A23)**

Melalui pengumuman YAB Menteri Besar dalam PRE Ihsan Johor 3.0, telah disebut mengenai perkhidmatan kaunseling dibawah YPKDT. Berapakah jumlah yang telah diberikan perkhidmatan kaunseling dan apakah program lain yang dilaksanakan di bawah perkhidmatan ini?

**JAWAPAN YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL**

YPKDT melalui Bajet Pakej Rangsangan Ekonomi 3.0 Ihsan Johor di bawah Sektor Masyarakat dan Modal Insan telah mewujudkan pelbagai inisiatif bagi Program Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling untuk masyarakat Negeri Johor. Bagi membuang stigma masyarakat yang alergik dengan perkataan kaunselor / kaunseling, YPKDT telah mengambil peranan dengan menjenamakan Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling ini kepada MIND-X, iaitu Xplore, Xpression dan Xchange. Antara inisiatif yang terkandung dalam MIND-X ialah :

**Pertama, mewujudkan perkhidmatan kaunseling atas talian secara percuma** bagi melaksanakan perkhidmatan ini selaras dengan perkembangan teknologi terkini agar penyampaian dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan tanpa halangan disebabkan pandemik. Perkhidmatan ini telah dipromosi secara meluas ke semua agensi kerajaan mahupun swasta serta hebahan kepada masyarakat awam.

**Kedua, YPKDT melalui Unit Kaunseling & Motivasi menyediakan talian *hotline*** kepada mana-mana individu yang ingin mendapatkan khidmat nasihat atau membuat temujanji kaunseling. Talian ini beroperasi dari jam 8.00 pagi – 10.00 malam. Orang awam boleh menghubungi atau *whatsapp* di talian 016-2700017.

**Ketiga, Menganjurkan webinar / bengkel / perkongsian** ke arah kesihatan mental dan kaunseling secara percuma yang akan dilaksanakan berkala sama ada secara *live* ataupun rakaman dengan melibatkan pakar-pakar atau selebriti yang berkaitan bagi memberi galakkan lebih ramai menyertai program ini.

**Keempat, YPKDT merangka untuk mewujudkan Klinik Kaunseling** yang beroperasi 7 hari seminggu dengan waktu operasi dari jam 8.00 pagi – 10.00 malam. Klinik kaunseling di daerah akan diwujudkan di 4 daerah iaitu di Johor Bahru, Pontian, Kluang dan Segamat. Bagi daerah selain 4 daerah ini perkhidmatan kaunseling dijalankan mengikut waktu pejabat (Ahad – Khamis dari jam 8.00 pagi – 5.00 petang).

**Kelima, Menyediakan *Mobile Team*** dengan menyediakan van khas yang akan digunakan bagi mempromosi perkhidmatan kaunseling terutama di kawasan luar bandar di samping mempromosi perkhidmatan kaunseling kepada penduduk luar bandar yang mempunyai akses yang terhad dalam mendapatkan perkhidmatan ini secara bersemuka mahupun atas talian.

**Keenam, Mewujudkan *support group*** kepada mereka yang berjauhan dengan ahli keluarga seperti pelajar IPTA & IPTS yang terkandas di kampus atau individu yang tidak dapat pulang ke kampung halaman disebabkan pandemik. Bekerjasama dengan pelbagai agensi dan NGO bagi mengenalpasti individu / keluarga yang memerlukan sokongan moral.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**Ketujuh, Membangunkan aplikasi perkhidmatan kaunseling** yang lebih interaktif dan informatif dalam membuat penilaian sendiri melalui ujian psikologi secara percuma untuk rakyat Negeri Johor.

Secara keseluruhannya, sesi kaunseling yang telah dijalankan oleh kaunselor berdaftar di Negeri Johor ialah seramai 521 orang dan seramai 5,710 orang yang telah menyertai Webinar Kesihatan Mental. Bagi sokongan moral pula seramai 405 orang yang telah mendapat manfaat dan jumlah keseluruhan penerima manfaat adalah 7,767 orang.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)**  
**SOALAN 19 (A4)**

Adakah kerajaan negeri telah menjayakan Dasar 1% OKU dalam sektor awam serta usaha kerajaan bagi memastikan Dasar 1% OKU diluaskan kepada semua GLC di Johor?

**JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD**

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) amat peka dan prihatin terhadap hak serta kebajikan bagi golongan Orang Kurang Upaya. Ianya telah pun dizahirkan dengan penubuhan sebuah Jawatankuasa Kebangsaan Penggajian Orang Kurang Upaya di Sektor Swasta pada tahun 1990. Penubuhan Jawatankuasa ini adalah bertujuan bagi menggalakkan para majikan di sektor swasta memberi peluang kesetaraan dan menggaji OKU. Bagi makluman YB Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, usaha ini adalah selari dengan Konvensyen Hak-hak bagi Orang Kurang Upaya yang kini termaktub di bawah Seksyen 29 Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) iaitu OKU mempunyai hak untuk akses kepada pekerjaan atau asas kesetaraan dengan orang upaya.

Bagi memberi akses pekerjaan kepada OKU, Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan JTKSM, sebelum diambil alih fungsinya oleh MyFuture Jobs telah menyediakan laman sesawang JobsMalaysia kepada individu OKU yang ingin mencari pekerjaan dan turut berfungsi sebagai platform kepada para majikan tidak kira syarikat GLC atau lain-lain yang ingin menawarkan pekerjaan kepada golongan OKU.

Bermula pada awal tahun 2021, bahagian Perkhidmatan Pekerjaan (JobsMalaysia) telah pun diambil alih oleh MyFuture Jobs di bawah kendalian PERKESO. Secara alternatifnya, individu OKU juga boleh mendaftar dan mengakses MyFuture Jobs di laman sesawang <https://www.myfuturejobs.gov.my/> bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai peluang-peluang pekerjaan yang disediakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NENAS)**

**SOALAN 20 (A149)**

Hulu Sungai Tanjung Air Hitam dan Sungai Pontian Besar cetek disebabkan mendapan pasir sehingga penduduk berkali-kali menghadapi banjir. Apakah tindakan pihak kerajaan untuk mengatasinya?

**JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN**

Sungai Tanjung Air Hitam dan Sungai Pontian Besar telah dilaksanakan kerja-kerja penggalian pada tahun 2020. Kekerapan penggalian bagi kedua-dua sungai tersebut adalah sekali setiap dua (2) tahun.

Selain dari faktor mendapan pasir di sungai, faktor lain yang turut menyumbang berlakunya banjir adalah terdapat parit-parit sempadan dan parit ladang yang digali terus ke sungai tanpa ada pintu kawalan. Keadaan tersebut menyebabkan air mengalir masuk melalui parit-parit tersebut apabila paras air sungai tinggi seterusnya melimpah ke kawasan penempatan penduduk.

JPS juga telah melantik perunding untuk melaksanakan Kajian Semula Rancangan Johor Barat Bagi Daerah Pontian. Kajian ini bagi mengenal pasti keberkesanan Projek Johor Barat dan juga kaedah pengurusan banjir yang efisien bagi kawasan ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**  
**SOALAN 21 (A92)**

Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Johor bagi membantu Persatuan Sukan yang terjejas akibat COVID-19?

**JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI**

Untuk makluman, Kerajaan Negeri Johor melalui Majlis Sukan Negeri Johor telah mula mewujudkan Program Pengreddan Persatuan Sukan Negeri bermula tahun 2021. Program ini adalah bertujuan memperkasa Persatuan Sukan Negeri dengan menetapkan KPI yang perlu dicapai pada setiap tahun bagi membolehkan persatuan tersebut layak menerima Geran Subsidi. Jika persatuan berjaya mencapai peratusan penilaian yang telah ditetapkan maka persatuan tersebut akan menerima subsidi seperti ketetapan berikut:-

1. Gred A : Geran Subsidi sebanyak RM 100,000.00
2. Gred B : Geran Subsidi sebanyak RM 70,000.00
3. Gred C : Geran Subsidi sebanyak RM 50,000.00
4. Geran Bantuan Am sebanyak RM 10,000.00

Berikut merupakan **Keputusan Penilaian Pengreddan bagi Tahun 2021**: -

- I. Tiga persatuan telah menerima RM 70,000.00**
  - a. Persatuan Badminton Negeri Johor
  - b. Persatuan Bola Keranjang Negeri Johor
  - c. Persatuan Hoki Johor
  
- II. Tiga persatuan telah menerima RM 50,000.00**
  - a. Persatuan Petanque Negeri Johor
  - b. Persatuan Silat Kebangsaan Negeri Johor
  - c. Persatuan Memanah Negeri Johor
  
- III. 33 persatuan lain telah layak menerima RM 10,000.00**

**Jumlah persatuan yang mendapat Geran Subsidi adalah sebanyak 39 Persatuan Sukan.**

1. Oleh yang demikian, Program Pengreddan ini telah membantu persatuan-persatuan Sukan Negeri Johor yang terjejas untuk terus bertahan di waktu pandemik COVID-19 yang melanda. Program ini juga adalah program yang akan dilaksanakan pada setiap tahun yang mendatang bagi membantu Persatuan Sukan Negeri Johor mendapatkan sumber kewangan bagi menjalankan aktiviti tahunan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)**  
**SOALAN 22 (A132)**

Nyatakan pertimbangan pihak kerajaan semasa memberikan kebenaran membangun bagi projek perumahan strata bertanah (landed strata) dengan menyatakan kelebihan jenis pembangunan ini dan jangkaan implikasinya terhadap pentadbiran PBT dalam memberikan perkhidmatan kepada pemegang hartanah kategori ini.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Dasar Perumahan Rakyat Johor, 2019 telah menetapkan perancangan dan spesifikasi bagi rumah bertingkat / strata. Ini adalah bagi menyeimbangkan nilai tanah dengan jenis pembangunan Rumah Mampu Biaya yang akan dibina agar pihak pemaju tidak mengalami kerugian yang tinggi bagi memastikan adanya pembangunan rumah berharga RM42,000 dan RM80,000 di kawasan Bandar. Berikut adalah ketetapannya:

1. Hanya dibenarkan di kawasan Zon A iaitu kawasan bandaraya sahaja (kawasan dibawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang).
2. Kepadatan 70 unit per ekar. Dimana projek berdensiti rendah akan disyorkan untuk dibina tidak melebihi 5 tingkat (termasuk tingkat bertanah) dan maksimum tingkat adalah ditetapkan 12 tingkat sahaja bagi satu-satu blok.

Sehubungan dengan itu, kaedah dan tatacara adalah sama sebagaimana permohonan kebenaran merancang bagi seperti perumahan, komersial dan perindustrian. Pemohon perlu mengemukakan permohonan kebenaran merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kerja Tanah, Pelan Landskap dll kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan bagi membolehkan sesuatu pemajuan dilaksanakan. Seterusnya, pandangan dan ulasan jabatan dan agensi teknikal tertentu akan diambil kira dalam proses kelulusan oleh JK One Stop Centre (OSC) di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Di peringkat PBT juga Rancangan Tempatan Daerah (RTD) yang telah diwartakan akan menjadi sumber rujukan utama dalam proses kawalan perancangan. Seksyen 18(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan digunakan mana-mana tanah atau bangunan melainkan menurut rancangan tempatan.

Pertimbangan lain adalah dasar-dasar semasa Kerajaan Negeri seperti Rancangan Struktur Negeri Johor 2030, Rancangan Kawasan Khas (RKK), Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030, Rancangan, Dasar Perumahan Rakyat Johor, Urban Design Guidelines Medini dll. Pertimbangan turut diberikan supaya kawasan pembangunan strata tersebut tidak menghalang kepada sistem lalulintas di kawasan setempat dan tidak mendatangkan kesan sosial yang berkaitan.

2. Kelebihan projek perumahan strata bertanah (landed strata):
  - a. Pelaksanaan Garis Panduan 'Gated Community and Guarded Neighbourhood' di Negeri Johor telah dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada 17 Ogos 2011 (R/M Bil. 1309/2011) dan seterusnya diterimapakai di Majlis Bandaraya Johor Bahru pada 30 Disember 2011.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

- b. Merujuk kepada garis panduan yang disediakan, skim '*Gated Community*' hanya dibenarkan bagi skim pemajuan di bawah Akta Hakmilik Strata (Akta 318). Keperluan untuk mendapatkan tahap keselamatan yang lebih baik telah menarik pembeli khususnya di kawasan bandar untuk memilih skim-skim perumahan yang menawarkan sistem kawalan keselamatan secara berpagar (*gated*) dan berpengawal (*guarded*). Selain daripada skim-skim kediaman berbilang tingkat (*high-rise*), pembangunan perumahan strata bertanah (*landed strata*) yang memperkenalkan konsep '*gated and guarded community*' turut menjadi pilihan dan 'trend' dalam pemilikan hartanah perumahan di Johor Bahru.
- c. Peruntukan subseksyen 6(1A) Akta 318 membenarkan skim kediaman bertanah (*landed*) yang dibina di atas satu lot utama (*master title*) dibuat pecahan kepada petak-petak tanah kecil (*land parcel*) dengan pegangan tanah secara hakmilik strata. Melalui pegangan hakmilik strata, ia membolehkan keseluruhan skim pembangunan diurus dan diselenggara sepenuhnya oleh pemilik melalui perbadanan pengurusan yang dilantik.
- d. Setiap skim perumahan strata bertanah (200-500 unit kediaman) akan dilengkapi dengan kemudahan berhirarki rendah dalam bentuk harta bersama (*common property*) seperti kawasan lapang / rekreasi dan rumah kelab. Manakala pembangunan yang melebihi satu skim perlu menyediakan kemudahan awam seperti kemudahan keselamatan, pendidikan dan keagamaan mengikut tampungan penduduk yang akan dijanakan. Kemudahan-kemudahan ini perlu disediakan diluar skim dan boleh berhubung antara skim-skim perumahan strata bertanah yang lain bagi menggalakkan interaksi sosial antara masyarakat.
- e. Memberikan pilihan yang pelbagai kepada pemilik dan pemegang hartanah selain perumahan strata bertingkat dan perumahan biasa. Kepelbagaian ini menunjukkan bahawa perancangan dan pembangunan yang dilaksanakan di Negeri Johor lebih dinamik dan mengikut keperluan dan permintaan semasa pasaran.
- f. Pembangunan yang eksklusif dikelilingi oleh pagar atau tembok yang memisahkan kawasan pembangunan atau kediaman bersebelahan meningkatkan keyakinan dan minat pembeli secara tidak langsung turut mempromosikan pembangunan di kawasan sekitar.
- g. Seterusnya, kemampuan pemaju dalam mengurus dan menyelenggara sesuatu skim perumahan strata *landed* juga turut meningkatkan imej dan reputasi pemaju dikalangan pembeli hartanah
- h. Mempunyai tahap keselamatan yang baik dengan adanya akses keluar-masuk yang terhad dan sistem kawalan keselamatan 24 jam sama ada menggunakan pengawal keselamatan atau penggunaan CCTV atau kedua-duanya.
- i. Mempunyai beberapa komponen kemudahan harta bersama yang lengkap seperti rumah kelab, kolam renang dan kawasan rekreasi / taman permainan yang hanya boleh digunakan oleh penghuni skim berkenaan.
- j. Mempunyai sistem pengurusan dan penyelenggaraan sendiri yang diselia oleh badan pengurusan (*Management Corporation*) yang dilantik oleh penghuni selaras dengan peruntukan Akta Bangunan dan Harta Bersama (*Penyelenggaraan dan Pengurusan*) 2007 (Akta 663).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

3. Implikasi terhadap pentadbiran PBT dalam memberikan perkhidmatan kepada pemegang hartanah:

- a. Mengurangkan beban kerja PBT dalam mengurus dan mentadbir terutamanya bagi kemudahan awam seperti tanah lapang memandangkan kawasan lapang adalah dimiliki oleh penduduk kawasan tersebut. Badan Pengurusan (JMB/MC) bertanggungjawab untuk menyelenggara kawasan lapang dan semua kemudahan yang terdapat di kawasan berstrata tersebut.
- b. Mengurangkan kadar jenayah di kawasan pentadbiran PBT dengan adanya kawalan keselamatan termasuk perimeter fencing, CCTV, pengawal keselamatan dan sebagainya.
- c. PBT masih menerima cukai taksiran daripada pelaksanaan dan pembangunan kawasan perumahan berstrata walaupun penyelenggaraan dijalankan oleh badan pengurusan.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)**

**SOALAN 23 (A126)**

Sukan berbasikal semakin mendapat tempat di hati anak-anak muda. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mempromosi aktiviti yang sihat ini kepada golongan muda untuk aktiviti gaya hidup sihat?

**JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI**

Sukan berbasikal sememangnya mempunyai peminat dan pengikutnya yang tersendiri. Tidak dinafikan rentetan kejayaan atlet berbasikal negara di sukan olimpik baru-baru ini, secara tidak langsung meningkatkan lagi minat orang ramai terhadap sukan berbasikal termasuk anak-anak muda.

Di peringkat agensi, terdapat banyak program berbasikal yang telah dijalankan selama beberapa tahun kebelakangan ini yang melibatkan penglibatan ramai seperti program **Xtif Johor** yang dijalankan disetiap daerah pada tahun lepas yang mana aktiviti berbasikal dijadikan aktiviti utama bagi program tersebut.

Terdapat juga program yang dilaksanakan hingga peringkat akar umbi seperti **Hari Sukan Negara** dan **Orang Muda Johor Festival** yang akan dilancarkan dalam masa terdekat dimana ia bertujuan mengajak anak muda menjalankan aktiviti sihat dan berkualiti.

Pada tahun 2021, KBS telah menganjurkan pelbagai aktiviti secara hibrid dan virtual seperti Sambutan Hari Sukan Negara dan FitMalaysia time2fit 2.0 yang mampu menarik minat ribuan penyertaan dari seluruh negara.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)**

**SOALAN 24 (A42)**

Musim tengkujuh khasnya dan musim hujan amnya mengakibatkan banyak kawasan rendah terlibat dengan banjir walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan. Apakah perancangan kerajaan negeri dan kaedah yang terbaik bagi mengatasi masalah ini?

**JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN**

Untuk makluman Dewan yang mulia dan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sri Medan, kebiasaannya kebanyakan kawasan di Malaysia amnya dan Daerah Batu Pahat khususnya akan menerima taburan hujan yang lebat di dalam musim monsun timur laut (tengkujuh) yang boleh mengakibatkan banjir. Ini diburukkan lagi dengan keadaan muka bumi di kebanyakan kawasan di Daerah Batu Pahat yang rendah. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah menjalankan kajian 'Flood Mitigation Master Plan For Batu Pahat' yang telah siap kajiannya pada Tahun 2009.

Hasil dari kajian tersebut, didapati sebanyak Sembilan (9) skop kerja yang bernilai Ringgit Malaysia (RM) 1.07 Bilion telah dikenalpasti bagi mengurangkan masalah banjir di Lembangan Sungai Batu Pahat. Untuk kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Medan, sebanyak tiga (3) skop kerja yang terlibat iaitu :

1. Penggalian Sungai Simpang Kiri bernilai RM 97 juta.
2. Parit Sulong Ring Bund bernilai RM 33 Juta.
3. Seri Medan Ring Bund bernilai RM 37 Juta.

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor telah memohon peruntukan dari Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMK 12) bagi melaksanakan skop kerja yang dicadangkan di dalam kajian tersebut. Perlaksanaan projek sebagaimana skop kerja yang dicadangkan adalah bergantung kepada peruntukan yang diterima.

Selain itu, JPS Johor juga sedang melaksanakan Kajian Semula Rancangan Johor Barat yang akan disiapkan suku ketiga 2022. Kajian ini untuk mengkaji semula pelaksanaan dan keberkesanan Projek Rancangan Johor Barat yang telah siap pada tahun 2000.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**

**SOALAN 25 (A169)**

Selain dari pemberian notis kepada pemilik tanah, apakah solusi kerajaan di dalam mengatasi masalah pokok-pokok tinggi dan semak yang berada di tanah dan bangunan terbiar berhampiran perumahan, di mana keadaan ini memberi ancaman pokok tumbang dan haiwan liar kepada penduduk?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Secara dasarnya adalah menjadi tanggungjawab kepada pemilik tanah ataupun premis bagi memastikan kawasan persekitaran premis dibersihkan dan tidak mendatangkan kacauganggu kepada jiran sekeliling.

Antara tanggungjawab tersebut adalah dengan menjalankan kerja-kerja pembersihan semak samun secara berkala iaitu sebulan sekali dengan cara membersihkan, memotong, mencakar, meracun dan memasukkan di dalam plastik sampah dengan cara meletakkan plastik di dalam tong sampah yang berada hadapan premis yang terlibat.

Kegagalan melaksanakan tanggungjawab diatas boleh menyebabkan pemilik premis dikenakan tindakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, ini adalah sebagaimana yang telah dinyatakan dibawah Seksyen 82(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Sehubungan dengan itu, PBT boleh mengambil tindakan kepada pemilik yang ingkar membersihkan kawasan yang dipenuhi sampah semak samun seperti berikut:-

1. PBT mengeluarkan Notis Kacauganggu kepada pemilik rumah/ tanah persendirian yang mempunyai masalah semak-samun;
2. Sekiranya tiada tindakan pembersihan oleh pemilik dan tempoh notis telah tamat, kompaun akan dikeluarkan terhadap pemilik premis.

Walau bagaimanapun, setelah tindakan diatas dikenakan kepada pemilik premis tetapi keadaan semak samun tersebut masih lagi berlaku dan wujud kacau ganggu yang membawa terjadinya tempat pembiakan dan perlindungan haiwan berbisa dan serangga pembawa penyakit atau menjejaskan keselamatan hak-hak penduduk umumnya, PBT akan melaksanakan kerja-kerja pembersihan tersebut sebagaimana Seksyen 80 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di mana sebarang kacau ganggu hendaklah dihapuskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan pemilik bertanggungjawab untuk membayar semua kos pembersihan oleh PBT. Kos pembersihan tersebut akan dimasukkan ke dalam bil cukai pintu pemilik premis.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)**

**SOALAN 26 (A46)**

Terdapat banyak kawasan yang tidak diselenggara perparitan, rumput tidak dipotong dan pokok tidak dicantas pada jangkamasa lama. Alasannya adalah sedang proses lantikan kontraktor. Perkara ini sentiasa menjadi punca permasalahan kepada rakyat? Apakah tindakan pihak bertanggungjawab untuk menyelesaikan isu mudah ini?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Sebelum saya menjawab soalan YB Mahkota, saya beranggapan bahawa perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan penyelenggaraan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kluang.

YB Tuan Speaker, pada tahun 2021, pihak Majlis Perbandaran Kluang (MPK) telah melaksanakan sebanyak 20 projek bagi kerja-kerja perparitan dan saliran dengan kos berjumlah RM2,408,892.40 (butiran terperinci projek sebagaimana Lampiran). Manakala bagi kerja-kerja mencantas pokok secara berkala di jalan-jalan utama MPK telah melantik kontraktor dengan perbelanjaan sebanyak RM576,640.00. Walau bagaimanapun, kebanyakan aduan pokok tidak dicantas adalah melibatkan pokok-pokok yg ditanam sendiri oleh pihak persendirian seperti di tepi atau hadapan rumah (rizab bahu jalan) dan terdapat juga permohonan untuk menebang pokok di dalam kawasan tanah persendirian. Pihak MPK mengambil maklum berkaitan aduan ini dan telah menghantar notis kepada tuan punya pokok bagi melaksanakan tebang atau cantasan dengan perbelanjaan sendiri. Semasa tempoh PKP tiada kerja-kerja cantasan atau tebang pokok dilaksanakan bagi mencegah penularan Covid-19 seperti mana arahan kerajaan.

Untuk makluman, bagi kerja pemotongan rumput bagi jalan-jalan utama di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kluang adalah di bawah selenggaraan Jabatan Kerja Raya (JKR). Pihak JKR melaksanakan kerja – kerja ini secara berkala iaitu dua kali sebulan bagi jalan protokol dan sebulan sekali bagi jalan-jalan utama (contoh jalan protokol: Jalan Kluang – Renggam – Layang-layang / jalan utama: Jalan Mardi). Bagi menambah kekerapan kerja-kerja memotong rumput ini MPK telah melantik pihak kontraktor dengan kos sebanyak RM 118,200.

Bagi taman-taman perumahan dan tempat awam pemotongan rumput telah dilaksanakan secara rutin mengikut jadual dengan kekerapan dua kali sebulan oleh pihak SWCORP melalui pihak SWM Environment dan lantikan kontraktor berdaftar dengan kos sebanyak RM1,9060,056.03.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**LAMPIRAN****KERJA-KERJA PERPARITAN DAN SALIRAN YANG TELAH DISELENGGARA TAHUN 2021**

<b>BIL</b>	<b>BUTIRAN PROJEK</b>	<b>KOS (RM)</b>	<b>PERUNTUKAN</b>
1	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Tembok Penahan Di Jalan Kg. Majid / Jalan Aman 10, Kluang (MPK)	185,309.70	Majlis Perbandaran Kluang
2.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan, Saliran Dan Perabot Jalan Di Lorong Belakang Jalan Besar Dan Sekitarnya, Kluang. (MPK)	268,810.00	-sda-
3.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Saliran Di Jalan Lambak Dan Pemasangan Pagar Penghadang Di Jalan Sekolah Chong Hwa Dan Sekitarnya, Kluang.	243,568.00	-sda-
4.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Perparitan Di Lorong Tepi Jalan Sutera 4/7, Taman Puteri Dan Sekitarnya, Kluang.	479,040.00	-sda-
5.	Kerja-Kerja Menyelenggara Tembok Penahan Dan Pagar Di Dataran Tasik, Kluang.	104,503.40	-sda-
6.	Kerja-Kerja Menyelenggara Tebing Runtuh Di Jalan Kampung MIC, Kluang.	20,000.00	-sda-
7.	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan, Menyelenggara Saliran Dan Perabot Jalan Di Jalan Tenggara Dan Sekitarnya, Kluang.	370,982.50	-sda-
8.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Saliran, Tembok Penahan Di Jalan Persiaran Seri Impian 2, Taman Seri Impian Dan Sekitarnya, Kluang.	322,988.80	-sda-
9.	Kerja-Kerja Membina Tembok Penahan Dan Mengganti Longkang Di Jalan Tahan, Taman Lambak, Kluang.	20,000.00	-sda-
10.	Kerja-Kerja Mengganti Longkang Dan Tembok Penahan Di Lorong Belakang Jalan Cermat 11, Taman Suria, Kluang.	16,268.00	-sda-
11.	Kerja-Kerja Mengganti Saliran Di Jalan Pimping, Kampung Dato' Abdul Rahman Yassin, Kluang.	20,000.00	-sda-
12.	Kerja-Kerja Mengganti Longkang Dan Tembok Penahan Di Lorong Tepi Jalan Permai 1/4, Taman Seri Permai, Kluang.	17,480.00	-sda-
13.	Kerja-Kerja Mengganti Longkang Dan Tembok Penahan Di Lorong Belakang Jalan Murni 5, Taman Murni, Kluang.	19,942.00	-sda-
14.	Kerja-Kerja Menyelenggara Tembok Penahan Dan Papan Tanda Di Jalan 2, Chamek Dan Sekitarnya, Kluang.	20,000.00	-sda-
15.	Kerja-Kerja Pembersihan Sisa Runtuhan Di Jalan Kiara 1, Kg. Dato' Abdul Rahman Yassin Dan	20,000.00	-sda-

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

	Pembersihan Longkang Di Jalan Ria, Taman Ria, Kluang.		
16.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Saliran Dan Tembok Penahan Di Jalan Canggih, Kg. Dato' Abdul Rahman Yassin, Kluang.	20,000.00	-sda-
17.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang Dan Menebang Pokok Serta Kerja Pembersihan Di Jalan Hospital / Jalan Sekolah, Kluang.	20,000.00	-sda-
18.	Kerja-Kerja Membaiki Cerun / Tanah Runtuh Di Jalan Ara, Kg. Dato' Abdul Rahman Yassin, Kluang.	200,000.00	Projek Pemerksa (MTL) Pej Pembangunan Negeri Johor
19.	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Dan Memasang Longkang Di Jalan Melor, Kampung Melayu, Kluang.	20,000.00	MPK
20.	Kerja-Kerja Membaiki Saliran Dan Tembok Di Jalan Megah 9 Dan Jalan Megah 3, Taman Megah, Kluang.	20,000.00	MPK
	<b>JUMLAH :</b>	<b>2,408,892.40</b>	

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB DATUK MD OTHMAN BIN YUSOF (KUKUP)  
SOALAN 27 (A101)**

Oleh kerana sukan "Drag Bike Race" sangat popular di negara jiran, mengapa tidak sukan ini dibangunkan di Johor? Sukan ini dapat membentuk belia berinovasi dalam bidang permotoran. Saya cadangkan sebuah track dibina di setiap DUN dan dikendalikan oleh PBT.

**JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI**

Kerajaan Negeri melihat kemudahan sukan Drag Bike Race dapat memupuk tahap kesedaran yang tinggi di kalangan belia agar tidak melibatkan diri dalam lumba haram dan memberi pemahaman yang lebih baik kepada belia mengenai sebab mereka tidak harus melibatkan diri dalam aktiviti lumba haram di jalan raya. Ia akan membuka minda belia kita mengapa mereka harus berlumba dalam acara yang sah ini. Jika belia kita melibatkan diri dalam lumba haram, ia hanya akan membahayakan keselamatan diri serta pengguna jalan raya yang lain. Kemudahan sukan Drag Bike membantu untuk mengelak golongan belia daripada terlibat dalam gejala negatif yang boleh merosakkan kesihatan dan masa depan mereka dan menjadi satu platform bagi pelumba untuk bertukar-tukar dan berkongsi idea dalam minat yang sama ini.

Ketika ini, kerajaan sedang melihat kesesuaian lokasi dalam perancangan untuk membina kemudahan sukan Drag Bike Race. Di Negeri Johor, terdapat kemudahan sukan permotoran sedia ada iaitu Tangkak Racing Track (TRT) yang telah dibina pada tahun 2015 Track lumba sepanjang 1.2 km.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NENAS)**

**SOALAN 28 (A151)**

Apakah langkah kerajaan yang akan diambil supaya dapat mengurangkan masalah pencemaran udara ataupun leachate water tapak pelupusan sampah Pekan Nanas selepas tranfer station Pekan Nanas siap dibina?

**JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN**

Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment, EIA) bagi Proposed Development of Solid Waste Transfer Station, on 12.474 Acres of Land on Lots 1336 & 1337, Pekan Nenas, Mukim Jeram Batu, Daerah Pontian, Johor Darul Takzim for Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah diluluskan pada 8 November 2019.

Dalam usaha untuk mengawal pencemaran udara dan pencemaran kualiti air sungai, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor telah mengambil langkah-langkah berikut:-

- i. JAS memastikan pihak penggerak projek mematuhi sepenuhnya syarat-syarat kelulusan Laporan EIA yang telah dikeluarkan kepada penggerak projek melalui penguatkuasaan syarat-syarat kelulusan Laporan EIA. Ini termasuklah memastikan penggerak projek melaksanakan program pengawasan dan kawalan pelepasan larut resap (*leachate*) agar mematuhi had pelepasan di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran dari Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009 dan melaksanakan program pengawasan kualiti udara ambien agar mematuhi *Malaysian Air Quality Guidelines (Ambient Standard) 2020*. Tindakan tegas termasuk perintah larangan atau perintah berhenti kerja akan dikenakan jika berlaku sebarang pelanggaran syarat-syarat kelulusan Laporan EIA.
- ii. Penggerak projek diwajibkan mempunyai *Environmental Officer (EO)* yang *competent* yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perkara-perkara yang berkaitan pengurusan alam sekitar dan pelaksanaan langkah-langkah kawalan pencemaran.
- iii. JAS juga memastikan pihak penggerak projek melaksanakan audit alam sekitar oleh pihak ketiga (*third party audit*) berpandukan kepada *Environmental Audit Guidance Manual* diperingkat kerja tanah dan operasi.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI (PALOH)**

**SOALAN 29 (A84)**

Sila nyatakan status terkini pembinaan Kem Tentera di Jalan Kluang - Mersing, dalam Parlimen Sembrong. Sila nyatakan adakah sudah ada pengundi dipindah ke kem tersebut, siapa mereka, berapa ramai jumlah dan adakah mereka akan terlibat mengundi dalam pilihanraya akan datang?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman **Yang Berhormat Paloh** berkaitan status terkini pembinaan Kem Tentera di Jalan Kluang – Mersing, dalam Parlimen Sembrong.

Menjawab pertanyaan tentang pengundi, pihak **Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) Negeri Johor** memaklumkan bahawa sehingga pewartaan Daftar Pemilih Tambahan (DPT) terkini, iaitu DPT Suku Tahun 2/2021, tiada lokaliti melibatkan Kem Tentera di dalam Parlimen Sembrong.

Bagi pihak **Angkatan Tentera Malaysia (ATM)**, ketika ini mereka sedang melakukan penyusunan semula pasukan seiring dengan penjajaran sebagai usaha mempertahankan wilayah secara serentak, iaitu melibatkan Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman, salah satu projek yang terlibat dalam rancangan penyusunan semula berkenaan adalah pembinaan Kem Tentera di Jalan Kluang – Mersing.

Kemajuan projek kini berada pada tahap lebih kurang 80% dan buat masa ini tiada anggota tentera yang dipindahkan ke kem tersebut.

Projek ini dijangka siap pada bulan April 2022.

Setelah pembinaan Kem Tentera ini siap sepenuhnya, pihak kontraktor akan berhubung dengan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi urusan jual beli antara pihak kontraktor dan kerajaan.

Setelah proses jual beli selesai, pihak Tentera Darat akan mula melaksanakan rancangan penyusunan semula pasukan dengan menempatkan pasukan ke kem tersebut.

Sebuah pasukan Rejimen Artileri DiRaja (RAD) dan sebuah skuadron Rejimen Askar Jurutera DiRaja (RAJD) akan ditempatkan di sini.

Setiap anggota tentera daripada kedua-dua pasukan tersebut adalah layak sebagai pengundi, namun perpindahan anggota tentera, staf awam dan pasangan ke kem tersebut adalah bergantung kepada kelancaran proses-proses yang telah dinyatakan.

Pasukan yang akan dipindahkan ke Kem Tentera di Jalan Kluang-Mersing adalah Rejimen Ke-33 Artileri DiRaja (33 RAD) dan Skuadron Ke-8 Rejimen Askar Jurutera DiRaja (8 Skn RAJD).

Anggaran kekuatan tentera, staf awam dan pasangan yang akan dipindahkan ke Kem Tentera di Jalan Kluang-Mersing adalah berjumlah 1,052 orang (659 tentera dan staf awam).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

Pecahan mengikut pasukan seperti berikut:

a. **33 RAD.**

- |                      |                                   |
|----------------------|-----------------------------------|
| 1. Pegawai           | : 18.                             |
| 2. Lain-Lain Pangkat | : 399.                            |
| 3. Staf Awan         | : 13.                             |
| 4. Pasangan          | : 250.                            |
| 5. Jumlah            | : 680 (430 tentera dan staf awam) |

b. **8 Skn RAJD.**

- |                      |                                   |
|----------------------|-----------------------------------|
| 1. Pegawai           | : 10.                             |
| 2. Lain-Lain Pangkat | : 207.                            |
| 3. Staf Awan         | : 12.                             |
| 4. Pasangan          | : 143.                            |
| 5. Jumlah            | : 372 (229 tentera dan staf awam) |

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)**  
**SOALAN 30 (A31)**

Sila nyatakan status terkini projek pemindahan air & LRA Layang 2 Fasa 2?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Batu, Projek Penyaluran Air Mentah Layang 2 dibahagikan kepada 2 Fasa.

Fasa 1 adalah dari muka sauk Sungai Sedili Besar (Kg. Mawai) ke Empangan Seluyut, manakala Fasa 2 adalah dari Empangan Seluyut ke Empangan Upper Layang.

Projek Layang 2, Fasa 1 sedang dilaksanakan oleh Bahagian Bekalan Air, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), di mana tempoh projek adalah 24 bulai (104 minggu).

Tarikh Milik Tapak ialah pada 15 April 2021 dan Tarikh Siap Kerja ialah 12 April 2023.

Kemajuan Kerja Sebenar sehingga 20 September 2021 ialah 0.47% iaitu Lewat Jadual sebanyak – 2.5 % atau 18 hari daripada Jadual Asal.

Manakala Projek Layang 2, Fasa 2 telah dilaksanakan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ), di mana tempoh projek adalah 24 bulan (104 minggu).

Tarikh Pemilikan Tapak ialah pada 12 Februari 2017 dan Tarikh Siap Kerja Asal ialah 11 Februari 2019. Projek tersebut siap sepenuhnya mengikut jadual iaitu pada 11 Februari 2019.

Bagi LRA Layang 2 Fasa 1, kapasiti loji adalah 160 Juta Liter Sehari masih diperingkat pembinaan.

Tarikh Milik Tapak adalah Jun 2020 dan dijangka siap pada 2022 dimana tempoh pembinaannya ialah 24 bulan.

Manakala, LRA Layang 2, Fasa 2, Dengan kapasiti 140 Juta Liter Sehari sedang dalam penyediaan dokumen tender dan kerja-kerja ditapak dijangka bermula pada tahun 2023 dengan tempoh pembinaan selama 18 bulan iaitu dijangka siap pada 2024.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)**  
**SOALAN 31 (A10)**

Nyatakan status kemajuan terkini berkenaan dengan projek pembinaan LRA Kahang, Empangan Selidi Besar dan penyaluran air mentah paip dari Sungai Endau ke Empangan Selidi Besar. Dengan siapnya semua pembinaan ini, apakah peningkatan jumlah bekalan air terawat harian di Johor?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Yang Berhormat **Jementah**, kemajuan terkini projek pembinaan LRA Kahang dan Sistem Agihan sehingga 31 Oktober 2021 sudah mencapai pada kadar 96.66%, di mana LRA Kluang telah siap sepenuhnya 100%, manakala sistem agihan telah mencapai kemajuan 66.56% dan dijangka siap pada Mac 2022.

**Untuk makluman dewan yang mulia**, LRA Kahang ini boleh menampung kapasiti bekalan air terawat sebanyak kapasiti 40 Juta Liter Sehari.

Selain itu, cadangan pembinaan Empangan Sungai Sedili Besar oleh Kerajaan Persekutuan, menerusi Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Air (KASA) tidak akan dilaksanakan kerana projek berkenaan akan menjejaskan ekosistem dan habitat hidupan liar di kawasan tersebut berikutan akan berlaku penebangan hutan seluas kira-kira 62 kilometer persegi (km<sup>2</sup>).

Bagaimanapun, bagi menjamin sumber air yang mencukupi, berterusan dan berkualiti di kawasan Pengerang dan Iskandar Malaysia, cadangan Penyaluran Air Mentah dari Sungai Sembrong (Cabang Sg. Endau) ke Sungai Sedili Besar perlu dilaksanakan dalam RMKe- 12.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan melalui Bahagian Bekalan Air, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah meluluskan kajian bagi projek pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Sungai Johor dibawah RMK-12.

Tujuan utama TAPS tersebut adalah bagi menampung keperluan sumber air semasa musim panas yang panjang (*dry-season*) sebagaimana yang berlaku pada tahun 2016 dan 2017.

Sumber air mentah dari TAPS tersebut akan dilepaskan ke Sungai Johor bagi keperluan Loji Rawatan Air (LRA) Semangar, LRA Sungai Johor dan LRA PUB Singapura.

TAPS tersebut mempunyai kapasiti storan 130 Juta Meter Padu (JMP) tersebut berkeupayaan untuk meregulasi Sungai Johor dengan kadar pelepasan air mentah sebanyak 450JLH.

Namun begitu, kerajaan negeri melalui permohonan RMK-12 telah membuat permohonan kepada pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) untuk pelaksanaan Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Sungai Sedili Besar dan disokong oleh cadangan pembinaan Baraj Sungai Sedili Besar dengan anggaran kos sebanyak RM 1.2 Bilion.

Pada masa ini, Bahagian Bekalan Air, KASA) sedang melaksanakan Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*). Kajian tersebut dijangka akan siap pada akhir tahun 2022.

Sekiranya projek ini dapat dilaksanakan, ianya boleh menjana *yield* sebanyak 300 JLH.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

Dalam masa yang sama juga, pihak Bahagian Bekalan Air, KASA juga sedang melaksanakan Kajian Kemungkinan dan Rekabentuk Pembangunan Projek Sumber Di Sungai Pontian Besar dan Pembinaan Baraj Sungai Pulai.

Projek ini juga akan mencadangkan TAPS Sungai Pontian Besar dengan kapasiti 27 JMP dan menjana *yield* sebanyak 150 JLH. Kajian tersebut dijangka akan siap pada akhir tahun 2022.

Berdasarkan kepada projek yang dicadangkan ini, peningkatan bekalan air terawat adalah sebanyak 450 JLH. Bagaimanapun, sekiranya cadangan Penyaluran Air Mentah dari Sungai Sembrong (Cabang Sungai Endau) ke Sungai Sedili Besar dilaksanakan dalam RMKe-12, maka sumber air terawat boleh ditingkatkan kepada 1,750 JLH menjelang tahun 2030.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)**  
**SOALAN 32 (A108)**

Berapakah jumlah statistik mangsa Covid-19 yang meninggal dunia serta urusan harta pusaka mereka yang dapat diselesaikan oleh pihak yang berkenaan?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Pasir, berdasarkan statistik daripada Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) sehingga 7 November 2021, jumlah kematian COVID-19 yang direkodkan di negeri Johor adalah sebanyak 3,695 orang.

Negeri Johor mempunyai lima (5) pejabat Unit Pembahagian Pusaka, iaitu di daerah Johor Bahru, Batu Pahat, Kluang, Muar dan Segamat. Kesemua pejabat ini mengendalikan permohonan pembahagian pusaka berdasarkan zon masing-masing dan sistem operasi yang digunakan adalah myeTaPP iaitu Sistem Pengurusan Tanah Persekutuan dan Pembahagian Pusaka.

Sistem ini digunakan untuk membolehkan waris-waris si mati memasukkan permohonan secara dalam talian sebelum mengemukakan dokumen sokongan ke pejabat-pejabat unit pembahagian pusaka.

Menerusi sistem myeTaPP ini, pempetisyen dikehendaki membuka akaun masing-masing bagi membolehkan kemasukan data-data penting seperti maklumat berkenaan si mati, waris-waris, harta-harta, liabiliti dan sebagainya. Ini bagi memudahkan urusan seterusnya di peringkat pentadbiran pejabat.

Pengurusan permohonan kes-kes kematian akibat wabak Covid-19 turut diterima sepanjang tempoh pandemik ini. Untuk rekod, anggaran jumlah kes kematian yang pernah ditemui oleh pegawai-pegawai pengendali perbicaraan melibatkan Covid-19 adalah sekitar 10 hingga 15 kes sahaja.

Namun begitu, pelaksanaan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan peralihan fasa-fasa pemulihan di negeri ini telah menyebabkan tempoh penyelesaian kes pembahagian harta pusaka telah terganggu.

Untuk makluman dewan yang mulia, panggilan perbicaraan ini adalah secara menyeluruh dan tanpa mengambil kira jenis punca kematian yang terlibat.

Manakala, bagi permohonan kes kematian akibat Covid-19, pelbagai kesulitan waris di ambil kira, misalnya, ahli keluarga yang terlibat untuk terus memfailkan petisyen memandangkan wujudnya keperluan-keperluan lain yang menghalang pergerakan mereka seperti kuarantin akibat kontak rapat dan keraguan kerana bimbang dijangkiti atau menyebarkan virus tersebut kepada pihak yang lain.

Ini adalah kemungkinan yang menyebabkan penangguhan kemasukan petisyen di kalangan waris. Walau bagaimanapun, jabatan ini berharap dengan situasi yang kian bertambah baik di negara ini, waris-waris akan menyegerakan permohonannya.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Pasir, baru-baru ini Dewan Rakyat Parlimen telah meluluskan Rang Undang Undang Pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga dan Sumber Asli. Banyak penambah baikan yang dijangka dapat dikecapi oleh jabatan ini setelah urusan yang selanjutnya disempurnakan sehingga ke peringkat pewartaan.

Menerusi pindaan ini, pelbagai penambah baikan yang lebih menjurus kepada meningkatkan manfaat kepada rakyat dan jabatan dalam usaha pelaksanaan segera selepas pewartaannya. Tempoh masa sehingga pindaan ini dapat dilaksanakan selepas pewartaannya nanti masih belum dapat dipastikan.

Di antara penambah baikan utama yang memberi keselesaan kepada rakyat adalah dari segi tempat permohonan akan melangkaui daerah-daerah dalam negeri yang sama.

Oleh yang demikian, sepanjang tempoh tersebut jabatan ini masih bekerjasama dengan Pejabat-Pejabat Tanah di seluruh negeri Johor dalam memastikan tempat yang selesa kepada pegawai pengendali dan waris-waris untuk sesi pendengaran kes.

Sesungguhnya, urusan pembahagian pusaka adalah satu isu penting dan besar dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat sekiranya diberi perhatian yang serius oleh kerajaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)**

**SOALAN 33 (A56)**

Saya menerima aduan daripada penduduk di kawasan saya bahawa wang khairat kematian kepada waris penerima BPR telah ditamatkan. Minta penjelasan daripada pihak LHDN berkaitan perkara ini ?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Yang Berhormat Bekok, Skim Khairat Kematian TIDAK DITERUSKAN lagi bagi pelaksanaan Bantuan Prihatin Rakyat 2021 (BPR 2021). Ini bermaksud, tiada lagi tawaran Skim Khairat Kematian kepada waris penerima BRP.

Penerima BRP 2021 sehingga umur 65 tahun akan secara automatik dilindungi di bawah Skim MySalam yang diuruskan oleh syarikat insuran Great Eastern Takaful.

Untuk makluman, skim perlindungan MySalam ini adalah inisiatif Kerajaan yang bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada 6.8 juta individu rakyat Malaysia.

Manfaat MySalam adalah seperti berikut:

- i. Pembayaran tunai RM8,000 dibayar sekali apabila penama insuran didiagnos dengan salah satu daripada 45 penyakit kritikal.
- ii. Pendapatan elaun gantikan hospitalisasi harian sebanyak RM50 sehingga 14 hari atau maksimum RM700 setahun di mana-mana hospital Kerajaan, hospital tentera dan hospital universiti.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**  
**SOALAN 34 (A89)**

Apakah usaha yang telah diambil oleh kerajaan terhadap cadangan ADUN untuk menubuhkan lebih banyak Jawatankuasa Pilihan Khas di peringkat DUN serta status terkini cadangan tersebut?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman **Yang Berhormat Tangkak**, Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap telah bermesyuarat dan bersetuju untuk meminda peraturan dengan memasukkan Jawatankuasa Peraturan dan Perintah Tetap dan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan serta memilih untuk menubuhkan Jawatankuasa Ketelusan Johor.

Pindaan peraturan dengan memasukkan tambahan 2 Jawatankuasa Dewan tersebut secara bertulis akan dibentangkan untuk diterima dan dipersetujukan di dalam Persidangan Dewan Negeri Johor kali ini.

Manakala, Jawatankuasa Ketelusan Johor masih memerlukan perincian lebih lanjut.

Selain itu, Jawatankuasa Pilihan lain yang pernah dicadangkan didapati bertindih dengan fungsi Jawatankuasa sedia ada di jabatan-jabatan kerajaan lain.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada cadangan untuk mewujudkan Jawatankuasa Pilihan lain yang tidak bertindih dengan fungsi Jawatankuasa sedia ada ianya boleh diwujudkan secara Ad-Hoc di bawah Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor Bilangan 103-106.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 22 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)**  
**SOALAN 35 (A70)**

Apakah status dan perkembangan terkini usaha untuk mewujudkan Universiti Johor?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG**

Perbincangan Penubuhan Universiti Johor telah dilaksanakan pada 6 Ogos 2018 . Antara wakil agensi yang terlibat sama adalah Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ), Yayasan Pelajaran Johor (YPJ), Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Lanjutan daripada itu, beberapa siri libat urus, sesi khas, bengkel dan perbincangan kumpulan fokus (FGD) telah diadakan bersama pihak-pihak berkepentingan. Kajian berhubung Konsep Universiti Johor telah di buat oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui anak syarikatnya iaitu Uni-Technologies Sdn Bhd. Hasil kajian ini telah pun dibentangkan kepada Kerajaan Negeri awal tahun ini.

Terdapat beberapa perkara yang menjadi pertimbangan Kerajaan Negeri pada ketika ini. Berdasarkan dapatan kajian perunding, institusi yang sesuai ialah KPJ Healthcare University College (KPJHUC). Walau bagaimanapun, KPJHUC telah terbina di Nilai, Negeri Sembilan dan akan menjadi amatlah janggal sekiranya pilihan ini diambil kira, Universiti Johor akan terletak di Nilai, Negeri Sembilan. Tambahan bagi pertimbangan pertama, Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ) buat masa ini tidak sesuai kerana tarafnya sebagai kolej adalah jauh berbeza dan memerlukan masa yang panjang untuk dinaiktaraf ke arah sebuah Universiti.

Selain daripada itu, terdapat format lain yang dipertimbangkan ialah Naiktaraf KPJKHUC dan Naiktaraf KYPJ. Kedua-dua mempunyai kekurangan sekiranya dipilih untuk dinaiktaraf ke Universiti Johor. KPJKHUC sebagai contoh antaranya adalah seperti lokasi kampus terletak di Nilai, Negeri Sembilan; Kebitaraan tertumpu pada bidang sains kesihatan sahaja;

Bagi naik taraf KYPJ pula, antara kekurangan besar ialah masa yang diperlukan lebih lama kerana KYPJ perlu beroperasi sebagai kolej universiti selama 5 tahun sebelum naik taraf kepada universiti; Kebitaraan tertumpu kepada bidang pengurusan dan kejuruteraan sahaja; dan perlu dibangunkan program Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah untuk mencapai taraf universiti.

Universiti Johor yang ditubuhkan perlu mempunyai kewangan yang lestari pada tahun kedua penubuhan dan seterusnya kerana tiada lagi sumbangan dari kerajaan.

Seterusnya ialah dari sudut format penubuhan Universiti Johor. Terdapat 3 format yang dicadangkan iaitu Consolidated-Federated (Universiti Johor memiliki 51% saham dalam entiti), Consolidated-Federated (Universiti Johor memiliki kurang daripada 51% saham dalam entiti) dan Consolidated-Merger (Setiap entiti melepaskan saham dan aset untuk bersinergi menjadi sebuah Universiti). Pertimbangan ini juga memerlukan penelitian lanjut kerana setiap format mempunyai kekurangan dan kelebihan yang hampir sama. Oleh kerana pertimbangan – pertimbangan kritikal di atas, Kerajaan Negeri memerlukan masa yang lebih untuk penelitian yang lebih mendalam.